


## TOPIK 3.1: CIRI-CIRI PETA LAKAR

## 1. Pengenalan

- **Peta lakar** ialah **gambaran permukaan bumi** yang **dilukis dari pandangan atas** sesuatu kawasan.
- Peta lakar dilukis menggunakan **skala besar** untuk membolehkan ciri-ciri **pandang darat fizikal** dan **pandang darat budaya** digambarkan di atas peta.
- Peta lakar juga menggunakan **simbol** dan **singkatan** untuk mewakili ciri sebenar di atas permukaan bumi.
- **Pandang darat fizikal** bermaksud semua ciri yang terdapat di atas permukaan bumi yang **terbentuk secara semula jadi**.
- **Pandang darat budaya** bermaksud semua ciri yang terdapat di permukaan bumi yang **terhasil daripada kegiatan aktiviti manusia**. Ciri ini juga termasuklah **semua ciri semula jadi** yang **mengalami perubahan akibat daripada tindakan aktiviti manusia**.

## 2. Ciri-Ciri Peta Lakar



Rajah 3.1 Ciri-ciri peta lakar

- Peta lakar mempunyai 5 ciri utama iaitu **Tajuk, Pemandang, Arah mata angin, simbol** dan **petunjuk**.

## 1. Tajuk

Tajuk peta lakar merupakan **gambaran ringkas** di mana kawasan peta lakar itu dilukis. Peta lakar hanya bermakna kepada pengguna lain apabila lokasi peta lakar diketahui. Tajuk sangat penting bagi peta lakar. Tajuk umpama nama anda.

2. **Pemidang**

Pemidang peta lakar digunakan untuk menunjukkan had kawasan permukaan bumi yang dilukis di atas peta lakar.

3. **Arah mata angin**

Arah mata angin yang dilukis di atas peta lakar adalah arah mata angin utara benar mewakili kedudukan arah utara di sesuatu kawasan yang dipetakan. Arah mata angin perlu untuk tujuan **menentukan kedudukan relatif** di atas peta lakar.

4. **Simbol**

Ciri-ciri permukaan bumi yang terdiri daripada pandang darat fizikal dan pandang darat budaya lebih mudah dilukis di atas peta lakar dengan menggunakan simbol. Simbol peta terdiri daripada **simbol titik, simbol kawasan, simbol garisan** dan **singkatan perkataan**.

5. **Petunjuk**

Petunjuk peta merupakan **penerangan ringkas** mengenai **pandang darat fizikal** dan **pandang darat budaya** yang diwakili di sesuatu kawasan dalam bentuk **infografik** bagi **menjelaskan secara ringkas** semua **simbol titik, simbol kawasan, simbol garisan** dan **singkatan perkataan** yang terdapat dalam peta lakar.